

11/06/2000

Pelajar baru Uniten meningkat 100 peratus

Fazallah Pit

KAJANG: Kemasukan penuntut baru ke Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini, meningkat lebih 100 peratus berbanding tahun lalu, membabitkan 2,151 penuntut.

Sambil menyifatkannya sebagai di luar jangkauan, Timbalan Rektornya, Prof Zainul Abidin Md Sharrif, berkata memang wujud pertambahan tempat, tetapi ia terhad kepada 1,500 penuntut saja.

"Tahun lalu, kita hanya mengambil kira-kira 1,000 penuntut, tetapi kali ini permohonan diterima Uniten amat mengejutkan, iaitu 7,000 iaitu hampir dua kali ganda dari jangkauan asal.

"Oleh itu, kita memutuskan untuk menerima lebih banyak penuntut kerana kita memang mampu menampung jumlah yang besar dan ia tidak menjejaskan suasana pembelajaran atau kemudahan," katanya ketika ditemui di Uniten, semalam.

Sebaliknya, Zainul berkata, ia dijangka mempengaruhi pengambilan pelajar pada November depan - satu lagi sesi pengambilan, kerana jumlahnya terpaksa dikecilkan.

"Kita hanya dijangka mengambil antara 200 atau 300 penuntut saja dan bergantung kepada jumlah kekosongan yang mungkin wujud disebabkan penuntut meninggalkan Uniten dan beralih ke universiti lain.

"Kita juga tidak akan mewujudkan pertambahan kelas baru, sebaliknya penuntut pengambilan dari November akan diserap dalam kelas yang sedia ada," katanya.

Mengenai jumlah pengajian yang singkat iaitu sekitar empat tahun bagi pemohon berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mendapatkan Sarjana Muda, Zainul berkata, ia bergantung kepada kesungguhan penuntut itu sendiri.

"Bagi mereka mahu tamat pengajian seawal empat tahun, penuntut terbabit harus memastikan lulus semua subjek setiap semester dan mengikuti kelas dalam Semester Khas.

"Penuntut yang lewat sedikit dari empat tahun, bagaimanapun tidak mengapa kerana yuran pengajian adalah berdasarkan jam kredit setiap subjek, bermakna ia tidak bertambah," katanya.

Sebagai usaha memantapkan Uniten, Zainul berkata, universiti itu akan membuka dua lagi pusat pengajian iaitu Kolej pentadbiran Perniagaan dan Kolej Teknologi Malumat dalam tempoh dua tahun.

Mengenai perkembangan semasa Uniten, beliau berkata, universiti itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Jun ini, dalam satu majlis besar-besaran.

"Selain itu, seramai 200 graduan sulung Uniten akan menerima skrol ijazah mereka dalam konvenseyen 22 Julai ini," katanya.

Sementara itu, seorang pemohon yang diterima masuk ke universiti itu, Wan Fatimah Wan Mahyiddin, berkata beliau memang bercadang belajar di Uniten kerana tempoh pengajiannya singkat dan kemudahannya cukup.

"Saya ada juga terima permohonan dari universiti tempatan lain, tetapi tempoh pengajiannya lebih panjang dan memutuskan untuk memasuki Uniten. Alhamdulillah berjaya.

"Lagipun, kedudukannya tidaklah jauh dengan rumah saya di Gombak Setia," katanya yang mengambil kursus kejuruteraan.

(END)